

# PM minta Cina bantu Bumiputera

BH 17 JUL 2000

KUCHING, Ahad Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini meminta masyarakat Cina membantu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Bumiputera yang miskin, agar setaraf dengan mereka, sekali gus mengukuhkan perpaduan kaum.

Perdana Menteri berkata, usaha itu tidak merugikan masyarakat Cina sebaliknya menguntungkan mereka, kerana masyarakat Bumiputera akan menjadi pelanggan yang berkemampuan membeli barangan yang mereka jual.

“Apabila masyarakat Bumiputera menjadi lebih kaya, mereka akan menjadi

pelanggan kepada masyarakat Cina, jika miskin mereka akan merasa cemburu dan wujud ketegangan di kalangan masyarakat dan Malaysia menjadi tidak stabil,” katanya.

Beliau berucap merasmikan bangunan Wisma Chinese Chamber di Jalan Bukit Mata Kuching di sini, hari ini.

Turut hadir di majlis itu, ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Sri Laila Taib.

Dr Mahathir berkata, bantuan golongan kaya kepada yang miskin akan menjadikan semua masya-

rakat di negara ini mempunyai taraf ekonomi yang sama rata dan seterusnya, menjadikan ekonomi negara lebih kukuh.

Beliau mengaitkan perkara itu dengan carasyarikat asing membantu membangunkan ekonomi negara dengan melabur serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Dr Mahathir berkata, peluang pekerjaan yang diwujudkan itu membolehkan rakyat Malaysia berkemampuan membeli barangan mahal yang dihasilkan pelabur berkenaan dan ini menyediakan pasaran kepada syarikat asing itu.

Menerusi pelaburan itu juga rakyat tempatan mempelajari kemahiran dan teknik pembuatan sehingga mampu menghasilkan cip komputer sendiri, katanya.

Selain itu, Dr Mahathir turut meminta masyarakat perniagaan Cina membantu membangunkan semula perniagaan masyarakat Bumiputera yang terjejas akibat kegawatan ekonomi baru-baru ini.

“Semasa gawat kebanyakan masyarakat peniaga Bumiputera musnah kerana saiz perniagaan yang kecil dan lemah, jadi masyarakat Cina perlu membantu menampung keru-

gian yang dialami semasa gawat,” katanya.

Berucap di hadapan kira-kira 1,000 ahli perniagaan Cina Sarawak, Perdana Menteri turut menjelaskan, kejadian pembunuhan dua pasukan keselamatan bukan Islam oleh kumpulan Al-Ma'unah baru-baru ini, sebagai usaha menggulingkan kerajaan dengan cara mereka iaitu menggunakan kekejaman.

Beliau memberikan contoh itu, untuk menunjukkan kekecohan seperti itu mungkin timbul sekiranya wujud perasaan cemburu di kalangan kaum akibat taraf ekonomi yang berbeza.